

23/10/2003

Sikap PM Australia burukkan hubungan

PENGESAHAN Presiden George W Bush, Australia adalah sheriff mewakili Amerika Syarikat (AS) di rantau ini tidak syak lagi semakin membuat Canberra tersisih dan dibenci kebanyakan negara yang cintakan keamanan di Asia. Tetapi itulah yang dikehendaki oleh Perdana Menteri John Howard yang lebih suka negaranya bersekutu dan bersekongkol dengan AS tidak kira apa pun dasar sepihak diamalkan Bush. Malah, sikap Howard berhubung peperangan menghapuskan keganasan dan melancarkan serangan awal mencabuli kedaulatan sesebuah negara terutama jirannya membuat Australia lebih melampau daripada AS. Tetapi dengan bongkak dan sombongnya Australia mendabik dada sambil memberitahu Asia ia akur setiap tindakan dan dasar Bush itu apatah lagi selepas serangan bom di Bali membunuh ramai rakyatnya.

Howard tahu dasarnya itu bertentangan sama sekali dengan sikap dan cara Malaysia menangani dan membendung keganasan. Kita juga menentang pencabulan kedaulatan sesebuah negara bebas atas apa alasan sekalipun. Cuma kita akan berdiri di belakang setiap keputusan dan tindakan wajar direstui dan diluluskan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Kita jelas tidak sehaluan dengan Australia dalam soal dasar itu menyebabkan Howard tidak melepaskan peluang untuk mengutuk dan cuba memperkecilkan kita pada mata dunia. Sikap berat sebelah dan seolah-olah mahu memaksa negara Asia mengikut jejaknya sedikit sebanyak mengeruhkan hubungan Kuala Lumpur dengan Canberra.

Suasana tidak mungkin kembali cerah selepas Howard kelmarin menegaskan Australia tidak akan tergesa-gesa membaiki hubungan dengan kita walaupun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bakal bersara hujung bulan ini. Dalam soal ini, dasar kita adalah jelas sebagaimana kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi iaitu Malaysia akan menjalin hubungan lebih baik dengan Australia jika ia menunjukkan kesediaan berbuat demikian.

Sikap Howard sebenarnya tidak disokong sepenuhnya dan digemari oleh rakyat Australia sendiri yang menunjukkan reaksi mereka menyokong Dr Mahathir khususnya berkaitan isu terbaru, kekejaman dan penguasaan Yahudi terhadap AS. Bantahan keras dan sikap rasional rakyat Australia itu diluahkan dalam akhbar perdana. Jelas mereka tidak sebulu dengan Howard yang cuba mengecil-ngecil dan membidas setiap dasar kita atau lebih tepat lagi kewajaran dasar Dr Mahathir. Kedegilan dan kekasaran Howard terhadap

negara jirannya di Asia sebenarnya tidak membantu Australia. Selain sentiasa sangsi kejujuran dan niat jirannya, Canberra jelas menipu dirinya sendiri apabila sengaja mencurigai matlamat dan dasar kita. Australia lupa ia berada berhampiran dunia rumpun Melayu dan Asia bukannya berjiran dengan AS.